

# JAWHAR tingkat kefahaman budaya kebajikan dalam kehidupan

Umat Islam mempunyai peluang luas untuk melipatgandakan pahala khususnya bagi mereka yang diberi kelebihan harta dan wang ringgit. Bukan semua orang diberi nikmat mempunyai harta yang banyak, tidak semua juga sedia berkongsi kekayaan dengan orang lain.

Beruntunglah orang yang diberi kelebihan oleh Allah SWT serta suka menolong orang lain dan membantu dalam kerja kebajikan. Pastilah ganjarannya bukan sedikit, bahkan itulah yang menyucikan hati yang kotor, tamak dan haloba kepada habuan dunia.

Bahkan, zakat dan wakaf contohnya, mampu memupuk kasih sayang sesama insan. Justeru, Islam menggesa umatnya supaya bermurah hati dan segera memberi pertolongan kepada orang yang memerlukan bantuan, sama ada dalam bentuk sedekah, zakat mahupun wakaf.

Zakat, salah satu rukun Islam dan ia wajib ke atas setiap umat Islam yang cukup syariatnya. Maksud zakat iaitu 'bersih', 'suci', 'subur', 'berkat' dan 'berkembang' adalah gambaran kepada makna zakat yang boleh membersihkan harta serta diri orang kaya daripada sifat kedekut, tamak atau bakhil.

## Kurang faham konsep wakaf

Harta wakaf yang kita lihat hari ini ada sebahagiannya tidak dimajukan untuk pembangunan yang mendatangkan manfaat kepada umat Islam khasnya tanah, ia tidak dimanfaatkan untuk mendapatkan pulangan memuaskan.

Sering kali timbul pelbagai isu dan masalah apabila tanah wakaf yang ingin dibangunkan seolah-olah seperti dihalang oleh pemegang amanah tanah wakaf. Ini disebabkan kurang kefahaman mengenai konsep wakaf dengan mempersoalkan bagaimana cara dan bentuk ia dibangunkan atau dimajukan.

Islam tidak melarang umatnya membangunkan atau menggunakan tanah wakaf untuk manfaat umat Islam lain

Tanah wakaf ada yang dibangunkan dan ada yang terbiar.

# Harta wakaf perkasa sosioekonomi ummah



ANJUNG  
INFAD

khususnya membantu golongan miskin. Dalam konteks ini, ulama mentakrifkan harta wakaf sebagai harta yang suci dan halal digunakan untuk tujuan kebaikan dan mendapat manfaatnya.

Oleh yang demikian, tidak salah jika ada dalam kalangan umat Islam yang menawarkan diri untuk membangunkan tanah wakaf bagi manfaat umat Islam selagi mana ia tidak bercampur dengan unsur riba, penipuan dan perkara diharamkan oleh Allah SWT.

Umat Islam harus faham serta sedar bahawa ganjaran pahala harta wakaf akan bertambah dan pahalanya berkekalan selagi harta diwakafkan masih boleh dimanfaatkan oleh umat Islam.

Selain itu, antara hikmah dan tujuan syariat Islam mengharuskan wakaf ialah untuk membuka jalan ke arah pengabdian diri kepada Allah SWT. Ia juga mendorong minat orang beriman berlumba-lumba mengerjakan amal kebajikan serta mengharapkan pahala berkekalan hingga selepas meninggal dunia.

Pelaksanaan wakaf adalah untuk kebaikan umat Islam seperti pembinaan masjid, sekolah dan tempat komersial yang mendatangkan keuntungan kepada mereka. Wakaf salah satu cara

untuk membina kekuatan ummah dan mengekalkan pemilikan harta secara perkongsian.

## Budayakan amalan berwakaf

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) ditubuhkan pada 27 Mac 2004 bertujuan memperkasa dan memajukan pembangunan sosioekonomi ummah dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji/umrah melalui kerjasama erat dengan pihak berkuasa agama negeri serta agensi berkaitan.

Melalui JAWHAR kefahaman masyarakat Islam mengenai konsep wakaf dipertingkatkan, sekali gus menyubur dan membudayakan legasi amalan berwakaf dalam kalangan masyarakat Malaysia. Sudah tentulah penubuhan JAWHAR menjadi titik permulaan usaha membantu memajukan harta umat Islam sebagai sumber kekayaan dan kekuatan ummah pada masa depan.

Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) yang mengadakan lawatan dan perbincangan bersama JAWHAR telah sepakat untuk bekerjasama dalam bidang penyelidikan mengenai wakaf, zakat, mal dan haji/umrah.

Banyak perkara berkaitan wakaf,

zakat, mal dan haji/umrah memerlukan kajian mendalam ahli akademik yang pakar dalam bidang itu kerana terdapat hukum berkaitan isu-isu semasa yang melingkari urusan umat Islam masa kini masih kabur dan samar-samar.

Kerjasama menjalankan penyelidikan, seminar, bengkel dan latihan yang mampan antara kedua-dua pihak dilihat sebagai salah satu usaha ke arah memperkasakan institusi agama di negara ini.

Bersesuaian dengan fungsi JAWHAR sebagai perancang, pelaksana, pemantau dan penyelarasan pembangunan institusi wakaf, zakat, mal dan haji/umrah, kerjasama ini boleh membantu JAWHAR dan INFAD memberikan perkhidmatan lebih berkesan.

Khususnya dalam pembangunan sosio-ekonomi ummah serta memajukan hasil penyelidikan serta makluman mengenai fatwa semasa yang berkaitan. Persefahaman dan kerjasama antara INFAD dan JAWHAR adalah titik tolak ke arah memperkasakan institusi agama Islam di negara ini.

**Penulis ialah Penyelaras** Unit Penerbitan, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



NIK  
SAHILA  
NIK  
SALEH